



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Saraan Hakim 1971

DR.92/1971

RANG UNDANG² AKTA SARAAN HAKIM, 1971

SUSUNAN FASAL²

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Fasal

1. Tajok ringkas dan pemakaian.

**BAHAGIAN II
GAJI DAN ELAUN HAKIM**

2. Gaji dan elaun Hakim.

**BAHAGIAN III
PENCHEN BAGI HAKIM**

3. Penchen bagi Hakim sa-bagai suatu hak.
4. Penghitongan dan banyak-nya penchen.
5. Tempoh perkhidmatan bagi penchen maksima.
6. Tempoh penchen yang di-gerenti.
7. Penchen gantian tetap dan penchen susutan.
8. Penchen dan ganjaran dalam hal² persaraan tertentu.
9. Peruntukan khas bagi Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar.
10. Penchen apabila Hakim mati dalam perkhidmatan.
11. Penchen apabila Hakim mati sa-lepas bersara.
12. Hakim di-lantek dari Perkhidmatan Awam.
13. Penchen tidak boleh di-serahak atau di-tahan.
14. Pindaan² berbangkit.
15. Perkechualian.

**BAHAGIAN IV
AM**


16. Pemilehan.
17. Pembayaran penchen.

Fasal

18. Pertanggungan kepada Kumpulanwang Disatukan.
19. Peratoran².
20. Pemansokhan.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan saraan Hakim Mahkamah Persekutuan dan saraan Hakim Mahkamah Tinggi di-Malaysia.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Saraan Hakim, 1971.
- (2) Akta ini ada-lah di-pakai bagi jawatan Hakim.

Tajok ringkas dan pemakaian.

BAHAGIAN II

GAJI DAN ELAUN HAKIM

2. (1) Gaji hendak-lah di-bayar kepada tiap² sa-orang Hakim yang tersebut dalam ruang pertama Jadual Pertama mengikut sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam ruang kedua yang bersetentang dengan-nya dalam Jadual tersebut mulai dari tarikh yang di-nyatakan dalam-nya itu.

Gaji dan elaun Hakim.

- (2) Elaun atau keistimewaan² lain hendak-lah di-bayar atau di-beri kepada tiap² sa-orang Hakim yang tersebut dalam Jadual Kedua mengikut sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual tersebut mulai dari tarikh yang di-nyatakan dalam-nya itu.

BAHAGIAN III

PENCHEN BAGI HAKIM

Penchen
bagi
Hakim
sa-bagai
suatu hak.

3. Sa-saorang Hakim Mahkamah Persekutuan atau Hakim Mahkamah Tinggi di-Malaya dan Borneo, apabila bersara atau berhenti memegang jawatan sa-bagai Hakim mengikut seksyen 8, ada-lah berhak mendapat penchen yang akan di-kira mengikut peruntokan² yang berikut.

Peng-
hitongan
dan banyak-
nya
penchen.

4. Penchen bagi sa-saorang Hakim hendak-lah di-hitong mengikut kadar $1/360$ daripada gaji akhir yang di-terima bagi tiap² satu bulan perkhidmatan yang genap sa-bagai Hakim:

Dengan syarat bahawa walau bagaimana pun penchen yang di-hitong sa-demikian tidak boleh lebeh daripada $1/2$ daripada gaji akhir yang di-terima-nya.

Tempoh
perkhid-
matan bagi
penchen
maksima.

5. Bagi maksud menghitung penchen sa-saorang Hakim, tempoh perkhidmatan untok melayakkan-nya mendapat penchen maksima ia-lah 15 tahun sa-bagai sa-orang Hakim.

Tempoh
penchen
yang
di-gerenti.

6. Tertaklok kapada seksyen 10, 11 dan 13 penchen yang kena di-bayar di-bawah Akta ini hendak-lah berterusan bagi sa-umor hidup orang yang di-beri penchen itu.

Penchen
gantian
tetap dan
penchen
susutan.

7. (1) Jika sa-saorang yang berhak mendapat penchen di-bawah Akta ini telah membuat pilihan-nya sa-bagaimana yang di-peruntokkan kemudian daripada ini, maka sa-bagai ganti penchen itu ia hendak-lah di-bayar suatu penchen mengikut kadar tiga perempat daripada penchen itu bersama dengan penchen gantikan tetap sa-banyak dua belas sa-tengah kali jumlah susutan yang di-buat pada penchen itu.

(2) Pilihan yang tersebut dalam seksyen-kecil (1) hendak-lah di-buat, dan jika telah di-buat, boleh di-batalkan, tidak lewat daripada hari sa-belum sahaja tarikh persaraan orang itu; tetapi Yang di-Pertuan Agong boleh, jika di-fikirkan-nya patut, membenarkan orang itu membuat pilihan-nya atau membatalkan sa-suatu pilihan yang telah di-buat dahulu-nya pada bila² masa antara tarikh persaraan itu dengan tarikh bila pembayaran pertama sa-suatu penchen di-bawah Akta ini sa-benar-nya di-buat.

(3) Jika orang itu telah membuat pilihan yang tersebut dalam seksyen-kecil (1) maka, tertaklok kapada seksyen-kecil (2), keputusan-nya itu sa-takat mana yang berkenaan

dengan apa² penchen yang di-bayar kapada-nya di-bawah Akta ini tidak boleh di-batalkan.

(4) Jika sa-saorang yang tidak membuat pilehan itu mati sa-lepas ia bersara tetapi sa-belum penchen di-bayar di-bawah Akta ini, suatu penchen gantian tetap dan suatu penchen susutan hendak-lah di-beri sa-bagaimana diperuntukkan dalam sekshen-kechil (1) sa-olah² orang itu telah membuat pilehan yang tersebut dalam-nya itu sa-belum ia mati.

8. Jika sa-saorang bersara dari jawatan yang di-maksudkan oleh Akta ini apabila menchapai umor enam puloh lima tahun atau berhenti memegang jawatan itu sa-belum umor enam puloh lima tahun tetapi tidak terdahulu daripada umor enam puloh tahun oleh sebab tidak berdaya, oleh kerana keuzoran tuboh atau otak atau oleh apa² sebab lain, untok menjalankan dengan sa-patut-nya tugas² jawatan-nya, atau meletakkan jawatan-nya sa-lepas menchapai umor enam puloh tahun maka ia ada-lah berhak mendapat suatu penchen yang sesuai berkenaan dengan-nya.

Penchen dan ganjaran dalam hal² persaraan tertentu.

9. Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini tetapi tertaklok kapada sekshen 8 sa-saorang yang memegang jawatan Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar ada-lah berhak mendapat penchen maksima jika—

Peruntukan khas bagi Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar.

(a) ia telah memegang salah satu atau kedua² jawatan itu sa-lama sa-suatu tempoh yang kesemua-nya tidak kurang daripada tiga tahun; dan

(b) ia telah memegang jawatan Hakim sa-lama tempoh yang kesemua-nya tidak kurang daripada sa-puloh tahun sa-belum ia bersara termasuk tempoh perkhidmatan-nya sa-bagai Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar, mengikut mana yang berkenaan.

10. Jika sa-saorang Hakim mati dalam perkhidmatan maka mana² orang tanggungan-nya mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong ada-lah berhak mendapat suatu penchen gantian tetap atau suatu penchen susutan yang sesuai berkenaan dengan-nya; dan jika orang tanggungan-nya tidak ada, maka hendak-lah di-bayar kapada wakil diri-nya di-sisi undang², suatu ganjaran yang sama banyak-nya dengan penchen gantian tetap-nya; dan jika penchen susutan di-beri maka ia-nya hendak-lah di-bayar sa-lama tempoh tidak lebeh daripada dua belas tahun sa-tengah mulaï dari tarikh Hakim itu mati.

Penchen apabila Hakim mati dalam perkhidmatan.

Penchen
apabila
Hakim mati
sa-lepas
bersara.

11. Jika sa-saorang Hakim mati dalam tempoh dua belas tahun sa-tengah dari tarikh bila penchen-nya di-bawah Akta ini telah di-bayar atau kena di-bayar maka balu atau balu dan anak² kechil-nya atau anak² kechil-nya ada-lah berhak mendapat suatu penchen yang sama banyak-nya dengan penchen yang telah di-bayar atau kena di-bayar kapada Hakim itu sa-lama tempoh tidak lebeh daripada baki tempoh antara tempoh dua belas tahun sa-tengah yang tersebut di-atas dengan tempoh sa-lama bila penchen itu telah di-bayar atau kena di-bayar kapada Hakim itu.

Hakim di-
lantek dari
Perkhid-
matan
Awam.

12. (1) Jika sa-saorang Hakim di-lantek dari antara anggota² Perkhidmatan Awam, maka orang yang di-lantek sa-demikian hendak-lah, bagi maksud undang² berhubung dengan penchen atau ganjaran yang di-pakai bagi-nya, di-sifatkan sa-bagai telah bersara dari Perkhidmatan Awam itu sa-olah² ia telah menchapai umur lima puluh tahun pada tarikh sa-belum sahaja perlantekan itu dan orang itu ada-lah layak mendapat suatu penchen atau ganjaran mengikut peruntukan undang² yang tersebut di-atas itu, yang di-kira mengikut bilangan bulan perkhidmatan masokira yang telah genap sa-belum daripada tarikh perlantekan itu:

Dengan syarat bahawa sa-suatu penchen atau ganjaran yang mungkin di-bayar kapada orang itu di-bawah peruntukan undang² yang tersebut di-atas dan menurut sekshen ini tidak boleh kena di-bayar sa-hingga orang itu telah menchapai umur lima puluh lima tahun.

(2) Jika sa-saorang Hakim telah di-beri suatu penchen di-bawah sekshen ini, maka gaji yang kena di-bayar kapada-nya di-bawah sekshen 2 (1) hendak-lah di-kurangkan sa-banyak jumlah penchen yang kena di-bayar kapada-nya itu:

Dengan syarat bahawa pengurangan gaji itu tidak diambil kira bagi maksud menghitung penchen-nya di-bawah mana² peruntukan lain dalam Bahagian ini.

Penchen
tidak boleh
di-serahak
atau
di-tahan.

13. Tiada apa² penchen atau ganjaran yang di-beri di-bawah Akta ini boleh di-serahak atau di-pindahmilk, atau di-tahan, di-asingkan atau di-levi bagi atau berkenaan dengan apa² jua hutang atau tuntutan kechuali hutang yang kena di-bayar kapada Kerajaan.

14. (1) Sekshen 2 Ordinan Penchen, 1951, sa-bagaimana di-pakai bagi Negeri² Tanah Melayu, ada-lah dengan ini di-pinda dengan memotong perkataan "a Judge of the Supreme Court and" daripada taarif "officer" dalam-nya itu.

Pindaan²
berbangkit.
No. 1 tahun
1951.

Sabah
No. 3 tahun
1963.

Sarawak
Bab 89.

(2) Tertaklok kapada sekshen 12 dan 16, sa-takat mana peruntokan² Ordinan Penchen, 1951 yang tersebut di-atas, Ordinan Penchen, 1963 Sabah dan Ordinan Penchen Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, di-pakai bagi sa-saorang Hakim Mahkamah Persekutuan atau Hakim Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Borneo dan sa-takat mana peruntokan sa-suatu pemberitahu yang di-buat di-bawah sekshen 2 undang² penchen yang tersebut di-atas itu masing² berkenaan dengan jawatan sa-saorang Hakim hendak-lah di-sifatkan sa-bagai tidak mempunyai apa² kuatkuasa atau kesan apabila Akta ini mula berkuatkuasa.

15. (1) Tiada apa² jua dalam Akta ini menyentoh sa-suatu penchen atau ganjaran yang telah di-beri atau yang sa-saorang Hakim layak mendapat sa-belum Akta ini mula berkuatkuasa; dan pembayaran penchen atau ganjaran yang di-beri sa-demikian boleh di-teruskan dan penchen atau ganjaran yang ia layak mendapat itu boleh di-beri di-bawah mana² undang² yang berkenaan melainkan jika ia telah memilih menurut sekshen 16 supaya tertaklok kapada peruntokan² Akta ini.

Perkechu-
lian.

(2) Tiada apa² jua dalam Akta ini boleh menyebabkan Kerajaan bertanggung membayar apa² wang yang lebeh banyak jumlah-nya daripada yang kena di-bayar kapada sa-saorang Hakim sa-bagai penchen atau ganjaran sama ada sa-bagai bunga atau lain² dan sama ada penchen atau ganjaran itu kena di-bayar sa-belum atau sa-lepas Akta ini mula berkuatkuasa.

BAHAGIAN IV

AM

16. Sa-saorang yang telah di-lantek sa-bagai Hakim sa-belum Akta ini mula berkuatkuasa boleh memilih dengan bertulis supaya tertaklok kapada peruntokan² Akta ini; dan jika ia tidak memilih sa-demikian ia hendak-lah terus tertaklok kapada peruntokan mana² undang² lain yang di-pakai bagi-nya sa-olah² Akta ini tidak di-luluskan.

Pemilihan.

Pembayaran
penchen.

17. Sa-suatu penchen di-bawah Akta ini boleh di-bayar tiap² bulan pada akhir tiap² satu bulan penchen itu genap masa-nya di-bayar atau pada lat²-tempoh mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong sama ada sa-chara am atau dalam sa-suatu hal tertentu.

Pertang-
gongan
kapada
Kumpulan-
wang
Disatukan.

18. Semua pembayaran yang di-buat di-bawah Akta ini hendak-lah di-pertanggungkan kapada Kumpulanwang Disatukan Persekutuan.

Peratoran².

19. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, sa-telah berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peratoran² bagi maksud melaksanakan peruntukan² Akta ini.

(2) Peratoran² yang di-buat di-bawah sekshen-kecil (1) boleh meminda atau mengubah peruntukan² Jadual Kedua.

Peman-
sokhan.

20. Akta Saraan Hakim, 1963 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

JADUAL PERTAMA

(Sekshen 2 (1))

(Berkuatkuasa mulai dari 1-1-1970 tertaklok kapada pemilehan di-bawah sekshen 16)

	(1) Hakim	(2) Gaji (berpenchen)
1. Ketua Hakim Negara		\$4,500 sa-bulan
2. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di-Malaya	...	4,250 sa-bulan
3. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di-Borneo	...	4,250 sa-bulan
4. Hakim Persekutuan		4,000 sa-bulan
5. Lain ² Hakim Mahkamah Tinggi di-Malaya dan Borneo		3,750 sa-bulan

JADUAL KEDUA

(Sekshen 2 (2))

(Berkuatkuasa mulai dari tarikh pemilehan di-bawah sekshen 16)

1. TEMPAT TINGGAL :

(i) Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar—

Rumah khas perchuma berperabot lengkap, sa-orang butler, dua orang tukang kebun, sa-orang penunggu rumah dan peruntukan sa-banyak \$1,000 sa-tahun bagi menyenggara rumah dan kawasan hendak-lah di-adakan :

Dengan sharat bahawa jika Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar telah di-beri pinjaman perumahan kerajaan

yang tersebut dalam perenggan 11, maka jika ia terus mendudoki rumah khas yang tersebut itu ia hendak-lah dikenakan membayar sewa sa-banyak 20% daripada gaji-nya atau 20 kali sewa namaan rumah khas itu, mengikut mana yang kurang.

(ii) *Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi—*

Rumah khas boleh di-beri tertaklok kepada sewa sa-banyak 10% daripada gaji atau 10 kali sewa namaan rumah khas itu mengikut mana yang kurang:

Dengan syarat bahawa jika Hakim telah di-beri pinjaman perumahan kerajaan yang tersebut dalam perenggan 11, maka jika ia terus mendudoki rumah khas yang tersebut itu ia hendak-lah dikenakan membayar sewa sa-banyak 20% daripada gaji-nya atau 20 kali sewa namaan rumah khas itu, mengikut mana yang kurang.

2. ELAUN KERAJIAN:

(i) Ketua Hakim Negara		\$300 sa-bulan
(ii) Hakim Besar		275 sa-bulan
(iii) Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi		250 sa-bulan

3. KERETA KERAJAAN:

(i) *Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar—*

Sa-buah kereta Kerajaan bernilai tidak lebih daripada \$20,000 termasuk harga asesari hendak-lah di-peruntukkan bersama dengan sa-orang dereber. Penyenggaraan, petrol, minyak dan pelinchr hendak-lah di-tanggung oleh Kerajaan.

(ii) *Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi—*

Sa-buah kereta Kerajaan yang bernilai tidak lebih daripada \$14,000 termasuk harga asesari hendak-lah di-peruntukkan. Penyenggaraan kereta itu hendak-lah di-tanggung oleh Kerajaan. Petrol, minyak dan pelinchr hendak-lah di-tanggung oleh Hakim.

4. ELAUN DEREBER:

Untuk Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi—
\$150 sa-bulan.

5. HITONGAN BATU:

Kadar Hitongan Batu bagi *Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi sahaja* ada-lah saperti berikut—

	sen sa-batu
Bagi 100 batu yang pertama	21
Bagi 100 batu yang kedua	19
Bagi 100 batu yang ketiga	18
Bagi 100 batu yang keempat	17
Bagi 100 batu yang kelima	17

	sen sa-batu
Bagi 100 batu yang keenam	16½
Bagi 100 batu yang ketujuh ...	16½
Bagi 100 batu yang kelapan ...	16
Bagi 100 batu yang kesembilan ...	16
Bagi 100 batu yang kesepuluh dan lebeh ...	15½

6. ELAUN HIDUP:

Apabila bertugas lebeh daripada 8 jam di-luar ibu pejabat—\$20 sa-hari.

7. BELANJA PENGINAPAN:

Belanja sa-benar di-sokong dengan resit akan di-gantibayar.

8. KEMUDAHAN PERUBATAN:

Rawatan perubatan perchuma bagi Hakim, isteri dan anak²-nya tetapi, jika masok hospital, Hakim hendak-lah membayar bayaran wad harian mengikut kadar \$8 sa-orang. Hakim ada-lah berhak menerima dengan perchuma ubat², bantuan dan layanan perubatan yang di-beri oleh Kerajaan, termasuk anggota buatan dan alat² otopidik.

9. CHUTI:

(i) *Chuti Rehat*—

Mengikut kadar 30 hari dalam satu tahun tidak termasuk hari kelepasan am dan hari kelepasan mingguan. Chuti rehat hendak-lah di-ambil dalam tahun chuti itu terakru dan jika, di-sebabkan oleh kepentingan perkhidmatan, chuti itu tidak di-ambil dalam tahun itu, maka chuti itu boleh di-bawa ka-hadapan dalam tahun yang berikut-nya. Chuti rehat bagi mana² tiga tahun berturut² boleh di-kumpulkan bagi maksud perjalanan ka-luar negeri dan pengumpulan chuti dan perjalanan ka-luar negeri itu ada-lah tertaklok kapada kelulusan terlebih dahulu. Pehak-berkuasa yang meluluskan bagi maksud sekshen ini ia-lah—

(a) bagi Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri;

(b) bagi Hakim Besar dan Hakim² Persekutuan, Ketua Hakim Negara;

(c) bagi Hakim² lain, Hakim Besar yang berkenaan.

(ii) *Chuti Sakit*—

Chuti sakit hingga 90 hari pada satu masa atau hingga maksima 90 hari dalam sa-suatu tahun (Januari hingga Disember). Tetapi chuti sakit tambahan tidak lebeh daripada 90 hari boleh di-beri dengan kelulusan Perdana Menteri bagi Ketua Hakim Negara dan dengan kelulusan Ketua Hakim Negara bagi Hakim² lain.

(iii) *Chuti Tibi*—

Hingga maksima 12 bulan bergaji penoh. Kemudian daripada itu, 6 bulan bergaji separoh dan 6 bulan lagi tanpa gaji.

10. FAEDAH KEMATIAN BENCHANA DALAM KEMALANGAN KAPALTERBANG:

Tanggungan kerana benchana atau kematian akibat kemalangan kapal terbang dalam masa menjalankan kewajipan hendak-lah di-tanggung sa-penoh-nya oleh Kerajaan. Kadar faedah kematian dan faedah hilangupaya akibat kemalangan tersebut bagi Hakim ada-lah saperti berikut—

- (a) Bagi kematian yang di-sebabkan oleh sa-suatu benchana yang di-dapati dalam kemalangan, sa-banyak \$150,000:

Dengan syarat bahawa jika orang tanggungan atau wakil diri-nya di-sisi undang² berhak menerima faedah yang sa-rupa di-bawah mana² peruntukan lain Akta ini, maka orang tanggungan atau wakil diri-nya di-sisi undang² ada-lah berhak mengikut pilihan-nya menerima satu faedah sahaja.

- (b) Bagi hilangupaya kekal di-sebabkan oleh sa-suatu benchana yang di-dapati dalam suatu kemalangan yang mengakibatkan—

- (i) kehilangan dua anggota atau lebeh dengan sa-benar-nya terpisah pada atau di-atas pergelangan tangan atau buku lali; atau kehilangan langsung dan tidak dapat di-pulehkan penglihatan kedua² belah mata; atau kehilangan satu anggota bersama dengan kehilangan penglihatan sa-belah mata: \$275,000.
- (ii) kehilangan satu anggota dengan sa-benar-nya terpisah pada atau di-atas pergelangan tangan atau buku lali; atau kehilangan langsung dan tidak dapat di-pulehkan penglihatan sa-belah mata: \$150,000.
- (iii) tidak berdaya langsung (hilangupaya langsung) untuk mengambil bahagian dalam atau menumpukan perhatian kepada sa-suatu profeshen atau kerja: \$275,000.
- (iv) hilangupaya sa-para: mengikut kadar, mengikut taksiran perubatan berdasarkan darjah peratusan hilangupaya itu.

11. SEKIM PINJAMAN PERUMAHAN:

Sekim Pinjaman Perumahan sa-bagaimana yang di-pakai bagi anggota² Perkhidmatan Awam.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk mengubah gaji dan lain² syarat perkhidmatan Hakim di-Malaysia.

2. Hingga kini gaji dan syarat² perkhidmatan yang di-pakai bagi sa-saorang Hakim ada-lah tertaklok kepada Akta Saraan Hakim, 1963. Berkenaan dengan penchen, Ordinan Penchen, Malaysia Barat dan Ordinan Penchen Malaysia Timor telah di-pakai bagi menentukan kelayakan penchen bagi Hakim.

3. Oleh kerana kedudukan yang khas bagi Hakim di-bawah Perlembagaan, maka ada-lah di-fikirkan perlu supaya suatu undang² yang lengkap di-kanunkan untuk membuat peruntukan bagi gaji dan lain² syarat perkhidmatan bagi Hakim. Oleh yang demikian Rang Undang² ini ada-lah bertujuan untuk membuat peruntukan² nyata mengenai segala perkara yang bersangkutan dengan syarat² perkhidmatan bagi sa-saorang Hakim.